



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (2) Disember 2019 (110-122)

Gangguan Leksikel Dalam Pembelajaran Bahasa Jepun

Nor Sahayu Hamzah¹, Zaitul Azma Zainon Hamzah²,
Zaid Mohd Zin³ & Rozita Che Rodi⁴

norsahayu.hamzah@gmail.com¹, zazh@upm.edu.my²,
zaidmz@upm.edu.my³, ita_cherodi@upm.edu.my⁴

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia*

Tarikh terima : 22 Nov 2019
Received
Terima untuk diterbitkan : 2 Dis 2019
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Dis 2019
Published online

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gangguan leksikel yang terdapat dalam ayat bahasa Jepun yang dibina oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Jepun level 1, Universiti Putra Malaysia. Seterusnya kajian ini menjelaskan proses bahasa yang mempengaruhi kewujudan gangguan leksikel dalam pembinaan ayat. Kajian ini menggunakan teori Selinker (1972) & (1992) sebagai panduan dalam menganalisis faktor gangguan tersebut. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan mengedarkan borang soal selidik terbuka kepada responden kumpulan 7 seramai 15 orang. Responden terdiri daripada pelbagai fakulti dan mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa yang ke 3 atau ke 4 dalam sistem pendidikan masing-masing. Data kajian disokong dengan temubual dan kaedah kepustakaan. Dapatan kajian mendapati responden membangunkan bahasa pemahaman yang tersendiri untuk menerangkan maksud leksikel bahasa sasaran. Kajian ini berkepentingan dalam dunia ahli bahasa dan akademik dalam merancang kaedah dan teknik pengajaran. Seterusnya kepada pelajar dalam usaha memperbaiki kelemahan dalam pembelajaran bahasa Jepun. Seterusnya meningkatkan penguasaan bahasa asing di peringkat Level 2 dan 3 kelak.

Kata kunci: bahasa antara, bahasa Jepun, leksikel, gangguan bahasa

Lexical Disorders in Japanese Learning

Abstract

The studies aimed to identify the lexical issues found in make Japanese sentences developed by students taking a level 1 Japanese Language in upm. In conjunction to that, it will clarify the language process that influence the existence of lexical issues in forming sentences. This research applies the Selinker Theory (1972) & (1992) as a guidance in analysing the factors in lexical issues. The research methodology is done through the qualitative method by distributing open questionnaires to 15 respondents from group 7. These respondents come from various faculties and they learn japanese language as the 3rd or 4th language in their educational system. The studies data is supported with interviews and library research. Based on the research data, it is indicated that the respondents developed their interlanguage in order to forming lexical of targeted language. This research is significant in the world of linguistic and academic community since it contributes to the process of planning the more effective teaching methodology and technic. Furthermore, it also benefits the students in terms of improvising their effort to overcome their weakness. Last but not least, this research can enhance the students' foreign language learning skills in level 2 and 3 in the near future.

Keywords: Interlanguage, Japanese Language, Lexical, language disorder

1. Pendahuluan

Bahasa asing merupakan bahasa yang dipelajari selepas bahasa ibunda. Kemampuan untuk menguasai bahasa asing merupakan nilai tambah yang memerlukan latihan dan kesungguhan yang tinggi untuk Berjaya dalam menjalani proses pembelajaran bahasa tersebut. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Prof Dr Noor Azizi Ismail dalam satu kenyataannya menjelaskan bahasa penguasaan bahasa asing meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam sektor pekerjaan, BH Online (2018). Hakikatnya proses pembelajaran bahasa asing ini boleh berlaku di mana-mana sahaja. Sebagai contoh melalui lagu, novel, drama malahan anime. Namun pembelajaran bahasa kedua sering mendapat perhatian dalam kemampuan pelajar menguasai bahasa tersebut. Masalah ini berkait rapat dengan perbezaan linguistik di antara dua bahasa iaitu bahasa penutur dan bahasa sasaran yang ingin dipelajari, Nor Asree Mohd Noh & Ab Halim Mohamad (2017).

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahasa Jepun mempunyai 3 jenis tulisan yang utama iaitu *hiragana* [ひらがな], *katakata* [カタカナ] dan *kanji* [漢字]. *Hiragana* [ひらがな] dan *katakata* [カタカナ] adalah tulisan asal bahasa Jepun yang digunakan dalam penulisan. Namun tulisan *katakana* [カタカナ] adalah hanya digunakan ketika menulis bahasa pinjaman ke bahasa Jepun. Seterusnya huruf *kanji* [漢字] iaitu tulisan cina yang diubahsuaikan menjadi lebih mudah dalam bahasa Jepun. Lado (1957) menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa asing kelihatan mudah bagi ciri-ciri yang mempunyai persamaan dengan bahasa ibunda, manakala bagi sistem bahasa yang mempunyai perbezaan bunyi, struktur tatabahasa, sistem kosa kata, dan sistem menulis yang berbeza merujuk kepada bahasa bukan serumpun mengakibatkan proses pembelajaran bahasa menjadi lebih sukar.

Seterusnya dalam pembelajaran bahasa Jepun, pembinaan leksikel merupakan aspek utama untuk membina satu frasa dan seterusnya ayat. Aspek ini merupakan sub kemahiran yang perlu menjadi fokus dalam pengajaran bahasa sasaran yang ingin dipelajari. Ini kerana mesej boleh disampaikan dengan jelas hanya dengan menyebut atau menulis satu leksikel. Kemampuan pelajar memahami perkaitan antara satu leksikal dengan leksikal yang lain dapat membentuk frasa bermakna dalam konteks ayat. hal ini akan memudahkan penyampaian maksud atau maklumat yang lebih berkesan, Uraidah (2014).

1.1 Penyataan Masalah

The Foreign Service Institute's (2019) yang telah mengklafikasikan bahasa Jepun adalah bahasa yang paling sukar dipelajari selain daripada bahasa Arab, Mandarin, Kantonis dan juga Korea. Jumlah masa pembelajaran yang diperuntukan oleh School of Language Studies (SLS) adalah 88 minggu atau bersamaan dengan 2200 jam untuk menguasai bahasa Jepun bagi pelajar bukan natif untuk dikategorikan sebagai fasih. Dapatan kajian oleh Selinker (1975) terhadap 10 orang responden yang mempelajari bahasa Perancis di negara Kanada, hanya menggunakan bahasa sasaran yang terhad dalam proses pembelajaran. Oleh yang demikian, tidak dinafikan pelajar kurang mendapat peluang mempraktikkan bahasa sasaran tanpa kehadiran penutur natif. Hal ini membawa kesan kepada gangguan pembinaan leksikel dalam sistem bahasa sasaran yang dipelajari. Sehubungan dengan itu pengkaji ingin memperluaskan kajian kepada pelajar Universiti Putra Malaysia yang mengambil bahasa Jepun di peringkat level 1.

Wan Mohd Fairaz Mohd Ghazali (2018) dalam kajiannnya yang bertajuk *Kesilapan Binaan Ayat Bahasa Jepun Terjemahan Dalam Kalangan Pelajar Kuis* mendapati kebanyakan analisis kesilapan berhubung kait dengan pemilihan leksikel dan struktur bahasa dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka. Dapatan kajian menunjukkan pelajar cenderung membina frasa ayat mengikut struktur bahasa ibundanya. Xuexin Liu (2015) turut menyokong pendapat tersebut, kerana dalam penguasaan bahasa sasaran, berlaku pemindahan bahasa dalam pembinaan ayat yang melibatkan 3 tahap kecekapan. Walaupun begitu pemindahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar dilihat sebagai sebahagian daripada

proses pembelajaran. Oleh kerana struktur ayat bahasa Jepun berbeza berbanding bahasa Melayu, kajian ini turut menghuraikan proses bahasa yang berlaku dalam pembinaan leksikal bahasa Jepun oleh pelajar.

1.2 Objektif kajian

Kajian ini akan mengenalpasti gangguan leksikal yang terdapat dalam pembentukan ayat bahasa Jepun oleh pelajar sarjana muda dalam pembelajaran bahasa Jepun level 1 Kumpulan 7, Universiti Putra Malaysia. Oleh kerana pelajar belum menghayati sistem bahasa kedua iaitu bahasa Jepun, pelajar mengalami gangguan leksikal secara rambang dalam pembentukan leksikal bahasa Jepun. Seterusnya menjelaskan proses-proses bahasa yang terlibat pembinaan leksikal bahasa Jepun pelajar tersebut.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia bagi pelajar yang mengambil mata mengambil kursus bahasa Jepun Level 1 sebagai elektif pembelajaran bahasa Asing. Pelajar yang terlibat terdiri daripada 15 orang kumpulan 7 di bawah seliaan Dr Zaid bin Mohd Zin. Justifikasi pemilihan pelajar kumpulan ini kerana pelajar telah menamatkan 14 minggu kuliah sepanjang semester satu. Selain itu pelajar terdiri daripada fakulti yang berbeza, melibatkan kepelbagaian kaum dan jantina. Kajian ini hanya terbatas kepada ayat yang dibina oleh pelajar berdasarkan edaran yang diberikan oleh pensyarah. Data yang kumpulkan akan dianalisis dari segi pembinaan leksikal, pembinaan frasa ayat serta kata sapaan yang digunakan sebagai strategi komunikasi dalam ayat tersebut. Kajian juga terbatas untuk dianalisis kepada lima proses bahasa yang berlaku dalam pembelajaran bahasa asing seperti yang dinyatakan oleh Selinker (1972) dalam buku *interlanguage*. Proses yang dimaksudkan adalah pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran, strategi komunikasi dan generalisasi terlampau.

2. Sorotan Literatur

Selinker (1992, 1975) merupakan pelopor istilah *interlanguage* atau bahasa antara. Istilah ini merujuk kepada jenis tatabahasa yang dianggap terbina secara sementara dalam usaha murid atau penutur berusaha untuk menguasai bahasa kedua. Selain itu istilah ini juga merujuk kepada proses transisi yang biasa lahir daripada pemerolehan bahasa kanak kanak secara urutan dengan pembolehubah sosiolinguistik. Fenomena ini dianggap ketara bagi murid atau penutur yang mempelajari bahasa kedua tanpa tanpa kehadiran pesaing yang merupakan rakan sebaya.

Wan Mohd Fairaz Mohd Ghazali (2018) dalam kajiannya *Kesilapan Binaan Ayat Bahasa Jepun Terjemahan Dalam Kalangan Pelajar Kuis* mendapati jenis-jenis kesilapan yang dilakukan pelajar bahasa Jepun di KUIS dalam terjemahan ayat bahasa Inggeris ke bahasa Jepun adalah merujuk kepada Ichikawa (1997). Kesilapan seperti pemilihan kosa kata, pengguguran dan penambahan, perubahan bentuk kata nama, kata kerja dan adjektif merupakan kesan dari pemindahan latihan pelajar itu sendiri. Dalam kajian ini turut menjelaskan perihai kecenderungan cara berfikir pelajar KUIS dalam bahasa ibunda serta diterjemahkan dalam bahasa Jepun sehingga menghasilkan bahasa antara dalam proses perubahannya. Perubahan ini dilihat dari segi penambahan kosa kata serta percampuran huruf yang telah dipelajari. Selain itu dapatan kajian juga mendapati ejaan kosa kata di ubah suai mengikut sebutan bahasa ibunda pelajar tersebut.

Sebagai contoh perkataan [エレベーター] *erebeetaa* yang merujuk kepada lif dalam bahasa Melayu atau *lift*, *elevator* dalam bahasa inggeris. Oleh kerana pelajar acapkali mendengar perkataan yang merujuk kepada lif dalam bahasa inggeris iaitu *elevator*, maka ejaan berubah mengikut sebutan pelajar seperti berikut;

[エレベーター] *erebeetaa* → [エレベートル] *erebeetoru*

Perkara ini jika tidak diatasi akan menjadi tabii belajar secara berterusan sama ada dalam peperiksaan atau ke peringkat level pengajian lebih tinggi serta perlu diatasi sewajarnya.

Manakala Bunga Siagian (2018) dalam tesis sarjananya turut membincangkan mengenai kata kerja dalam tajuk *Analisi Fungsi Dan Makna Verba Yaru Dan Suru Sebagai Sinonim*. Dapatan tesis ini telah menyimpulkan bahawa kata kerja [動詞] yaru [やる] dan suru [する] mempunyai makna yang sinonim merujuk kepada perkata melakukan atau mengerjakan dalam bahasa Indonesia. Oleh yang demikian dapatan tesis ini menjelaskan terdapat perbezaan fungsi dalam penggunaan leksikel yaru [やる] dan suru [する]. Leksikel [する] suru boleh digunakan untuk merujuk kepada makna melakukan atau berbuat sesuatu dan menunjukkan perlakuan. Manakala leksikel [やる] yaru pula merujuk kepada makna melakukan, menunjukkan sesuatu keputusan atau menunjukkan sesuatu keadaan dalam bahasa Indonesia. Pemindahan latihan berpunca dari kesilapan yang berlaku disebabkan oleh pengajaran. Misalnya seperti buku-buku yang digunakan untuk mengajar memberi takrifan yang sama tanpa menjelaskan penggunaannya secara teknikal.

Seterusnya Fatin Nadirah (2018) dalam kajian sarjana yang bertajuk *Negatif Transfer in Second Language Writing Among Malay Secondary Student* memberi penjelasan bahawa responden terpengaruh dengan bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa keduanya. Pemindahan bahasa merupakan proses yang paling ketara berlaku dalam penulisan esei bahasa sasaran bagi responden. Dapatan kajian turut menjelaskan bahawa kesilapan responden bergantung kepada corak pentafsiran bahasa sasarannya sehingga berlaku pemindahan negatif dalam data yang dianalisis.

Selain itu, Joseleanor M. Magno, Rowanne Marie R. Maxilom (2016) dalam kajian *Japanese Learners' Reading Strategies and Oral Interlanguages* telah membincangkan strategi pembelajaran bahasa Inggeris untuk aspek membaca bagi 4 orang pelajar Jepun. Instrumen kajian merupakan rakaman lisan, wawancara tidak formal, pemerhatian dan laporan kemajuan guru. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar mengalami proses pemindahan fonologi seperti penghapusan, pengantian, penambahan bunyi seakan bahasa Ibunda responden telah direkodkan hasil rakaman. Oleh yang demikian sistem bunyi bahasa Jepun mendominasi bacaan lisan bahasa inggeris responden. Kesimpulannya pengaruh bunyi bahasa ibunda menjadi bahasa antara responden dalam proses menguasai bahasa sasaran. Penggunaan kamus elektronik membantu responden mendengar bunyi fonologi bahasa inggeris yang tepat serta bantuan tenaga pengajar merupakan strategi pembelajaran yang dipraktikkan sebagai penyelesaian.

Namun, Xuexin Liu (2015) dalam kajian *Language Transfer in Learning Japanese and Interlanguage Development* menjelaskan bahasa terdapat 3 tahap kecekapan dalam proses pembelajaran bahasa Jepun yang melibatkan pemindahan bahasa iaitu tahap konseptual, tahap fungsi dan tahap kedudukan. Walaubagaimanapun tidak semua kesilapan pelajar disebabkan oleh pemindahan bahasa semata-mata. Hal ini boleh diperbaiki melalui strategi pembelajaran bahasa sasaran yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar. Selain daripada itu pendedahan strategi pembelajaran haruslah mencakupi pembinaan kosa kata, struktur tatabahasa dan hukum tatabahasa bahasa sasaran.

Norazmi Hassan (2015) dalam kajian *Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Uitm* mendapati strategi pembelajaran sosial dapat meningkatkan lagi kreativiti pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Jepun. Kajian ini membincangkan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar UiTM dalam menguasai bahasa Jepun membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar UiTM. Kepelbagaian strategi pembelajaran membantu pelajar bukan natif menguasai bahasa Jepun serta mengurangkan kesilapan atau penggunaan bahasa antara sebelum menguasai bahasa sasaran. Strategi pembelajaran sosial ini mengandungi item seperti bertutur menggunakan bahasa Jepun secara perlahan, mengulang ayat berulang kali selain daripada meminta rakan memperbaiki kesilapan secara terus. Selain itu pelajar diminta untuk membuat latihan serta menjadikan rakan sebagai penunjuk ajar. Strategi ini dapat memupuk sifat kerjasama dan membantu antara satu sama lain. Sekaligus membina keyakinan pelajar menggunakan secara lisan serta mempraktikkan dalam bentuk latihan dan tulisan.

3. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini melibatkan penganalisan data secara kualitatif. Responden kajian ini terdiri daripada 15 orang pelajar Universiti Putra Malaysia yang mengambil mata pelajaran level 1 bahasa Jepun. Respondan diedarkan dengan soal selidik terbuka yang merupakan situasi dalam bentuk teks sebagai sampel kajian. Dalam kajian ini responden diminta membina ayat dalam bentuk permintaan menggunakan bahasa Jepun. Tujuan penulisan ayat bentuk permintaan berdasarkan situasi ini adalah untuk melihat bentuk pembinaan leksikal bahasa Jepun yang digunakan dalam situasi yang diberikan. Daripada ayat permintaan yang dibina, data dianalisis dengan mengaplikasikan kerangka teori Selinker (1992) & (1972).

3.1 Sampel Kajian

Respondan terdiri daripada pelajar pelbagai fakulti yang memilih subjek bahasa Jepun sebagai mata pelajaran elektif di Universiti Putra Malaysia. Tahap pembelajaran bahasa Jepun yang adalah diperingkat asas atau level 1. Respondan yang terlibat terdiri daripada lelaki dan perempuan sejumlah 15 orang pelajar dari kumpulan 7. Respondan diedarkan dengan borang soal selidik terbuka berbentuk situasi dalam dwi bahasa. Respondan diminta membina ayat permintaan dalam bahasa Jepun berdasarkan situasi yang diberikan.


3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini melibatkan satu set borang soal selidik terbuka dan soalan temubual berstruktur bagi menjawab proses bahasa yang melibatkan strategi berkomunikasi. Borang soal selidik terbuka direka untuk melihat pembinaan leksikal, pembinaan frasa dan ayat sajian yang digunakan berdasarkan situasi yang diberi dalam bahasa Jepun. Manakala bagi kaedah temubual seramai 2 orang responden secara sukarela dipilih untuk menjelaskan ayat sajian yang digunakan sebagai strategi komunikasi dalam ayat bahasa Jepun.

3.3 Analisis Data

Data kualitatif soal selidik terbuka dianalisis secara deskriptif dengan mentranskripsikan pembinaan leksikal, frasa dan ayat sajian dalam pembinaan ayat berbentuk permintaan bahasa Jepun. Selinker (1992) menjelaskan bahawa kewujudan bahasa antara berlaku disebabkan penguasaan bahasa sasaran yang masih lemah sehingga menyebabkan penutur dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Oleh yang demikian data dianalisis menggunakan kerangka teori Selinker (1972) dalam bukunya *Interlanguage* menggariskan lima proses bahasa yang berlaku dalam pembelajaran iaitu pemindahan bahasa, pemindahan latihan, generalisasi melampau, strategi pembelajaran dan strategi komunikasi. Data berbentuk pembinaan leksikal, pembinaan frasa, ayat sajian dikategorikan berdasarkan ciri-ciri yang memenuhi kriteria yang dijelaskan. Kemudian kriteria ini disuaipadanya dengan proses bahasa yang terlibat seperti yang diperkenalkan oleh Selinker (1972) dalam bukunya *Interlanguage*.

3.4 Kerangka Teori



4. Dapatan kajian

Seramai 15 responden telah menjawab soalan dengan membina ayat permintaan dalam bahasa Jepun berdasarkan situasi yang diberikan. Data yang diperoleh berdasarkan pembinaan ayat oleh responden level 1 bahasa Jepun, Universiti Putra Malaysia. Data melibatkan pembinaan leksikel, pembinaan frasa, ayat sapaan dalam ayat bahasa Jepun diproses dan dikategorikan. Kemudian data ini dipecahkan kepada dipecahkan kepada kategori dalam proses bahasa. seterusnya kajian ini telah mengenalpasti terdapat gangguan leksikel dalam ayat bahasa Jepun tersebut yang melibatkan empat proses bahasa iaitu, pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran dan strategi komunikasi. Secara keseluruhannya data terkumpul mendapati proses bahasa yang melibatkan generalisasi melampau tidak berlaku dalam bahasa antara responden kumpulan 7 ini.

Jadual 1, Tiada kesalahan

Data	Perkataan 'Teh susu'	Situasi	Proses Kognitif
D1	ミルクティー	Tepat	-

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden level 1, bahasa Jepun, UPM mendapati hanya seorang sahaja pelajar atau tujuh peratus (7%) pelajar yang memperoleh jawapan tepat dalam membina leksikel teh susu sebagai *mirukutii* [ミルクティー] dalam bahasa Jepun. Selebihnya 14 pelajar lagi memberikan jawapan yang berbeza serta terlibat dalam proses kognitif yang telah diperkenalkan oleh selinker (1972).

Jadual 2, Pemindahan latihan

Data	Perkataan 'Teh susu'	Situasi	Proses Kognitif
D2	ミルクち <i>Mirukuchi</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan
D3	ミルクじ <i>Mirukuji</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan
D4	ミルクこおちゃ <i>Mirukukoucha</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan
D5	ミルクこうチャ <i>Mirukukoucha</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan
D6	ミルクこうちゃ <i>Mirukukoucha</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan
D7	ミルクこうちゃ <i>Mirukuocha</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan
D8	ミルクおちゃ <i>Mirukuocha</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan
D9	ミルクオちゃ <i>Mirukuocha</i>	Percampuran huruf	Pemindahan latihan

Dalam jadual 2, data D2 sehingga D9, seramai 8 pelajar atau lima puluh enam peratus (56%) pelajar yang melakukan kesilapan dalam pembinaan leksikel *mirukutii* [ミルクティー] dengan mencampurkan huruf iaitu [ひらがな] hiragana dan [カタカナ] katakana. Perkara ini dilihat sebagai jenis pemindahan latihan yang melibatkan pemindahan pengetahuan, kemahiran dan kelakuan baru kepada situasi sebenar. Pelajar terdorong melakukan kesilapan berdasarkan kurangnya latihan dalam proses pembelajaran. Kaedah yang digunapakai oleh pelajar mempengaruhi pembelajaran bahasa sasaran mereka serta menghasilkan bahasa antara merujuk kepada kesilapan yang bersifat sementara, Haslina Zakaria (2013),

Dalam situasi berikut, leksikel *miruku* [ミルク] yang merujuk kepada makna susu dalam bahasa Jepun merupakan bahasa pinjaman. Pelajar mempunyai pengetahuan bahawa leksikel pinjaman memerlukan penggunaan huruf [カタカナ] katakana sepenuhnya. Walaubagaimanapun perkataan 'teh' dianggap leksikel asal bahasa Jepun, mungkin disebabkan budaya minum teh dalam kalangan masyarakat Jepun dikenali sebagai satu budaya yang menjadi lambang yang sinonim sejak dari dahulu lagi. Kekeliruan ini menyebabkan pelajar memilih untuk menggunakan huruf *hiragana* [ひらがな]

hiragana selepas perkataan *miruku* [ミルク], susu. Penggunaan huruf *chi* [ち] dan *ji* [じ] adalah merujuk kepada perkataan ‘teh’ yang cuba disampaikan dalam pembinaan leksikel tersebut. Selain itu *koucha* [こうちゃ] dan *ocha* [おちゃ] juga merupakan jenis-jenis teh yang menjadi minuman harian penduduk di Jepun. Namun terdapat juga tulisan bercampur di antara *Hiragana* [ひらがな] dan *katakata* [カタカナ] yang terjadi. Kesilapan percampuran *hiragana* [ひらがな] dan *katakana* [カタカナ] ini tidak dapat diterangkan oleh faktor persekitaran responden yang hanya menggunakan huruf alfabet dalam penulisan bahasa Melayu dan Inggeris. Selain tidak dapat mengenalpasti kesilapan dalam pembinaan leksikel pelajar juga tidak mampu membetulkan kesalahan leksikel dalam ayat bahasa Jepun tersebut.

Kesilapan ini turut dikenali sebagai basilek yang mana pelajar masih menguasai sistem bahasa kedua. Bentuk kesilapan tulisan secara rambang ini adalah disebabkan kurangnya latihan daripada responden itu sendiri. Dalam hal ini Selinker (1972) turut menjelaskan perihal fungsi latihan dalam bentuk latihan tubi serta penggunaan bahan bantu belajar seperti buku teks sangat membantu pelajar dalam mengatasi isu pemindahan latihan.

Jadual 3, Strategi pembelajaran

Data	Perkataan ‘Teh susu’	Situasi	Proses Kognitif
D10	ミルク <i>miruku</i>	Tertinggal perkataan the	Strategi pembelajaran bahasa kedua
D11	ぎゅうにゅう <i>gyuunyuu</i>	Tertinggal perkataan the	Strategi pembelajaran bahasa kedua
D12	おちゃ <i>ocha</i>	Tertinggal perkataan susu	Strategi pembelajaran bahasa kedua

Keputusan dalam jadual 3, data D10 sehingga D12 menunjukkan responden membina leksikel bahasa Jepun secara tidak lengkap. Perkara ini dilihat sebagai kekurangan kosa kata yang mengakibatkan pelajar tidak mampu membentuk frasa teh ais sebagaimana yang diminta dalam soalan. Dapatan ini menjelaskan proses bahasa yang terlibat iaitu strategi pembelajaran. Ellis (1987) menjelaskan penghilangan kata berlaku apabila pelajar memudahkan ayat dengan cara mengurangkan sesuatu konstituen. Pelajar memilih sesuatu konstituen untuk dikod dan meninggalkan konstituen yang lain dengan andaian pengajar akan memahami maksud yang cuba disampaikan oleh mereka. Dalam hal ini, maksud yang ingin disampaikan oleh pelajar mungkin dapat difahami oleh penerjemah dalam situasi komunikasi. Namun sukar difahami dalam bentuk ayat dalam karangan misalnya. Sebarang bentuk perancangan atau tindakan yang dilaksanakan untuk mencapai sesuatu tujuan merujuk kepada aktiviti pengajaran secara individu mahupun kelas merupakan strategi pembelajaran, Vijayaletchumy (2016).

Jadual 4, Pemindahan bahasa

Data	Perkataan 'Teh susu'	Situasi	Proses Kognitif
D13	こうちゃぎょうにゅう <i>Koucha gyuunyuu</i>	Terjemahaan terus	Pemindahan Bahasa
D14	こうちゃぎょうにゅう <i>Koucha gyuunyuu</i>	Terjemahan terus	Pemindahan Bahasa

Jadual 4 menunjukkan 2 orang pelajar telah melakukan terjemahan terus daripada frasa teh susu kepada *koucha gyuunyuu* [こうちゃぎょうにゅう]. *Koucha* [こうちゃ] *koucha* dalam silibus pelajar level 1, topik 6 merujuk kepada teh perang berbanding *ocha* [おちゃ] yang merujuk kepada teh hijau. Pemindahan bahasa merupakan pemindahan ujaran yang bukan sahaja tidak tepat tetapi juga tidak betul dari segi bahasa standard, Puteri Roslina (2004). Kesan pemindahan bahasa ini didapati dalam semua keadaan apabila wujud bahasa antara. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ini dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Dalam dapatan di jadual 4 pelajar cuba untuk menjelaskan perkataan teh susu dalam bahasa ibunda melalui pemindahan bahasa antara kepada [こうちゃぎょうにゅう] *koucha gyuunyuu* yang merujuk teh yang berwarna perang dengan susu. Faktor ini dilihat sebagai gangguan bahasa ibunda pelajar sehingga mengakibatkan pelajar membuat keputusan untuk berfikir dalam bahasa ibundanya dalam pembinaan leksikel bahasa bukan natif.

Jadual 4, Strategi Komunikasi

Bil	Perkataan 'Teh Ais'	Situasi	Proses Kognitif
D15	いくらですか。 <i>Ikuradesu ka</i> Berapa harganya?	Tiada kosa kata merujuk kepada jenis minuman	Strategi komunikasi

Dalam jadual 4 merujuk kepada proses kognitif yang melibatkan strategi komunikasi. Dalam ayat yang dibina oleh pelajar dalam jadual 4, leksikel *mirukutii* [ミルクティー] merujuk kepada teh susu dan seumpamanya tidak wujud dalam binaan ayat. Keadaan ini menunjukkan responden merujuk kepada minuman yang telah tersedia dan hanya membuat permintaan merujuk kepada harganya sahaja. Selain daripada itu strategi komunikasi bertujuan untuk memudahkan penggunaan bahasa sasaran dengan menerbitkan bahasa antara yang ringkas tetapi mesej yang cuba disampaikan adalah jelas, Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2016). Namun dalam konteks ayat bahasa Jepun yang dibina oleh responden hanya boleh digunakan secara terhad misalnya dalam situasi komunikasi verbal sahaja. Ini kerana jika dalam bentuk teks bacaan, pembaca sukar untuk mendapatkan maksud sebenar yang cuba disampaikan oleh responden. Binaan ayat pertanyaan *Ikuradesu ka* [いくらですか] Berapa harganya? tidak merujuk kepada perkara spesifik.

Jadual 5, Penggunaan kata sapaan sebagai Strategi Komunikasi

Bil	Jenis	Jumlah
1	Memulakan ayat dengan kata sapaan <i>sumimasen</i> [すみせん] (Maaf)	10
2	Memulakan ayat dengan kata sapaan <i>konnichiwa</i> [こんにちは] (Selamat Sejahtera / Hai)	1
3	Memulakan ayat dengan kata panggilan nama, <i>Ari san</i> [アリさん] (En Ali), <i>Oneesan</i> [お姉さん] (Kakak)	2
4	Ayat terus kepada keinginan. いくらですか。 <i>Ikura desu ka.</i> Berapa harganya? 牛乳はどこですか。 <i>Gyuunyuuwa doko desu ka.</i> Susu dimana?	2

Jadual 5 merujuk kepada penggunaan kata sapaan sebagai strategi komunikasi yang terdapat dalam pembentukan awal ayat. Terdapat 10 responden memulakan kata sapaan dengan penggunaan leksikel *sumimasen* [すみせん] yang merujuk kepada maksud maaf, *Nihon Kokugo Daijiten* (2000). Leksikel *sumimasen* [すみせん] mempunyai banyak makna mengikut konteks dan situasi ianya dipraktikkan. Selain membawa maksud memohon maaf leksikel ini turut berfungsi sebagai memastikan atau mengesahkan sebarang pernyataan, meminta tolong, menyapa untuk menarik perhatian, meminta izin dan berterima kasih, Yasir Abdillah (2019). Dalam konteks ayat sapaan ini penggunaan leksikel *sumimasen* [すみせん] bertujuan menarik perhatian penjual untuk meminta barang yang ini dibeli iaitu *mirukutii* [ミルクティー] atau teh susu, sekali gus menunjukkan tujuh puluh peratus (70%) responden menguasai strategi komunikasi masyarakat Jepun menarik perhatian pendengar dengan penggunaan istilah *sumimasen* [すみせん] sebagai kata sapaan awal.

Seterusnya dapatan kajian mendapati seorang responden yang memulakan perbualan dengan leksikel *konnichiwa* [こんにちは] yang merujuk kepada makna 'selamat sejahtera' atau 'hai' dalam bahasa Melayu. Masyarakat Melayu dan Islam di Malaysia mengamalkan ungkapan 'Assalamualaikum' atau terjemahan dari bahasa arabnya iaitu selamat sejahtera ketika bertegur sapa dengan orang atau memulakan perbualan. Ungkapan 'Assalamualaikum' merupakan ayat sapaan yang memberi makna yang positif walaupun digunakan oleh pengamal bukan Islam, Aditya Alkautsar (2015). Oleh yang demikian responden tersebut memilih menggunakan leksikel *konnichiwa* [こんにちは] sebagai ganti perkataan "Assalamualaikum" ketika memulakan sapaan.

Selain itu 2 orang responden yang menyapa dengan panggilan nama. Kata sapaan nama seperti kakak, abang, Pak Ali dan Mak Senah merujuk kepada penjual yang lebih tua adalah bentuk-bentuk panggilan yang sering dilakukan untuk tujuan mengambil perhatian dengan memanggil pemilik kedai atau pekerja kedai. Kata panggilan ini mempunyai objektif yang jelas iaitu memanggil atau menyapa seseorang dalam komunikasi sebagai tanda hormat ketika berkomunikasi, Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong (2019).

Akhir sekali 2 orang responden memilih untuk bertanya terus harga barangan dengan ungkapan [いくらですか。] *Ikura desu ka* yang bermaksud 'berapa harga ini? Ayat terus menyatakan keinginan responden mungkin disebabkan barang yang ingin dibeli telah ditemui. Sehubungan dengan itu responden berniat untuk melakukan proses pembelian. Manakala ungkapan *Gyuunyuuwa doko desu ka*. [牛乳はどこですか] yang bermaksud 'susu ada di mana?' responden berada dalam situasi barang telah dicari tetapi tidak dijumpai. Terdapat dua jenis pendekatan yang digunakan dalam strategi komunikasi, iaitu pendekatan saling tindak (Tarone, 1979, 1980 dan 1983) dan pendekatan psikolinguistik. Dalam pendekatan saling tindak, terdapat perundingan maksud sebagai usaha bersama penutur dan pendengar untuk berkomunikasi dan melakukan seberapa banyak strategi untuk menyampaikan mesej. Manakala pendekatan psikolinguistik pula tidak menitikberatkan kerjasama dalam penggunaan strategi komunikasi tetapi menekankan masalah yang dihadapi oleh penutur secara individu bagi aspek penerimaan mesej, perancangan ujaran dan pelaksanaan pertuturan. Selinker (1992) mengaitkan strategi komunikasi dan bahasa antara dengan memperlihatkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bukan natif. Hakikatnya pelajar bukan natif hanya mempelajari bahasa sasarannya sekadar apa yang terdapat dalam buku teks tetapi penggunaannya terhad dalam komunikasi sebenar kehidupan.

5. Rumusan dan Cadangan

Daripada dapatan kajian, dapat dibuat kesimpulan bahawa seramai 15 responden bahasa Jepun level 1, kumpulan 7 terdedah kepada kesalahan dalam pembinaan leksikal yang berpunca dari pengaruh bahasa ibunda sehingga membangunkan bahasa antara. Dapatan kajian menjelaskan proses bahasa yang dialami oleh responden merupakan usaha dalam meningkatkan kefahaman untuk menguasai bahasa yang dipelajarinya. Hal ini jelas dilihat daripada pembinaan frasa yang diterjemah terus mengikut hukum DM berkaitan unsur diterangkan berada dihadapan dan unsur yang menerangkan berada di belakang frasa, Asmah (2019). Seterusnya pemindahan latihan berlaku dengan percampuran huruf dalam perkataan, frasa ayat membuktikan pelajar masih gagal mengenalpasti fungsi huruf hiragana dan katakana. Manakala penyediaan strategi pembelajaran oleh tenaga pengajar adalah meletakkan kesediaan pelajar sebagai maklumat utama dalam proses pengajaran pensyarah. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Vijayaletchumy (2016), perancangan pengajaran merupakan strategi pembelajaran guru kepada murid.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahasa Melayu dan bahasa Jepun tidak berada dalam rumpun bahasa yang sama. Perbezaan besar dapat dilihat daripada sistem kosa kata, sistem bahasa dan struktur yang berbeza, Lado (1997). Walaubagai manapun hasil kajian juga mendapati proses bahasa yang melibatkan generalisasi melampau tidak berlaku dalam pembinaan leksikal atau frasa dalam ayat bahasa Jepun yang dibina oleh responden.

Oleh yang demikian kajian berkaitan proses bahasa yang berlaku dalam membangunkan bahasa antara ini boleh dilaksanakan kepada seluruh pelajar yang mengambil bahasa Jepun level 1.

Bibliografi

Artikel

- Aditya Alkautsar (2015). Sikap Kalangan Dewasa-Muda Jabodetabek Terhadap Penggunaan Salam Sapaan “Assalamualaikum” Dan Netralitas Salam Sapaan Keagamaan. *Jurnal Kajian Bahasa*. Vol (4) No (1) ms 61-72.
- Debby G. Durandt (2015) Analisis Makna Sumimasen Dan Gomennasai Dalam Film “One Piece” *E-Journal Universitas Sam Ratulangi* ms 1-12
- Joseleanor M. Magno, Rowanne Marie R. Maxilom. (2016) Japanese Learners’ Reading Strategies and Oral Interlanguages. *International Journal of Education, Culture and Society*. Vol. 1, No. 3, 2016, pp. 86-94. doi: 10.11648/j.ijecs.20160103.15
- Noor Zila Md. Yusuf, PhD Amir Juhari, PhD. Shafiee Hassan Mohd. Yazi Kerya (2018) Tahap Bahasa Antara Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Prosiding Seminar Darulaman 2018*
- Sa’adiah Ma’alip & Teo Kok Seong (2019) Komunikasi Antara Keluarga: Bentuk Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu*. Bil. 18 (2) 2019, ms 100-117)
- Wan Mohd Fairaz Mohd Ghazali (2018) Kesilapan Binaan Ayat Bahasa Jepun Terjemahan Dalam Kalangan Pelajar Kuis. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 Volume 19(2)*, ms 129-159
- Yasir Abdillah (2019). *Analisis Sosiopragmatik Terhadap Ungkapan Sumimasen*. Disertasi Sarjana Muda. Universitas Gadjah Mada

Buku

- Nihon Kokugo Daijiten (2000), Shogakukan. Tokyo.
- I. S. P. Nation (2013) *Learning Vocabulary in Another Language* Google eBook Cambridge Applied Linguistics. Cambridge University Press.
- Brown, H. Douglas. (2000). *Principles of Language Learning and Teaching*. Ed. ke-4. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2004) *Bahasa Antara*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Dulay, H., Burt, M., & Krashen, S., (1982). *Language Two*. England: Oxford, Oxford University Press.
- Ellis, R., (1997). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fatin Nadirah (2018). *Negatif Transfer in Second Language Writing Among Malay Secondary Student*. Disertasi Sarjana, University Malaya.
- Haslina Zakaria. (2013). *Faktor Individu dan Faktor Persekitaran yang Mempengaruhi Pemindahan Latihan Terhadap Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTEM*. Disertasi Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Uraidah Abdul Wahab (2014) *Penggunaan penyusun grafik dalam penguasaan kolokasi Bahasa Arab*. Disertasi Sarjana, University of Malaya.
- S. Vijayaletchumy & Shobehah. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa. *Dewan Bahasa*, 16, 4-7.

Laman sesawang

- Hidayatul Akmal Ahmad (2018), 7 March 2018, Mahir bahasa asing buka lebih peluang kerja. Dicapai melalui laman sesawang

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/396747/mahir-bahasa-asing-buka-lebih-peluang-kerja>
di akses pada 20 Oktober 2019

Biodata Penulis

Nor Sahayu Hamzah ialah pelajar siswazah di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

Prof Madya Dr Zaitul Azma Zainon Hamzah ialah pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Dr Zaid Mohd Zin ialah pensyarah Bahasa Jepun di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Dr Rozita Che Rodi merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia